PRULink Golden Managed Fund

All data is as of 31 December 2022 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2022年12月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

Objective / 目标 / *Objektif Dana*

PRULink Golden Managed Fund is an actively managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term, taking into account the liquidity needs of the fund to meet withdrawals as well as the need to meet guaranteed payouts. This is achieved by investing in shares and fixed interest securities through PRULink Golden Equity Fund and PRULink Golden Bond Fund and in any other PRULink Golden Funds that may become available in the future as well as directly in selected fixed interest securities, corporate bonds and fixed deposits, and any other financial instruments to be used for hedging the portfolio.

PRULink Golden Managed Fund乃是一项积极管理的基金, 目标为在中至长期内赚取最高的回酬, 同时确保 基金的流动性符合提兑与付给担保款额的需求. 为达致此目标, 基金通过 PRULink Golden Equity Fund与 PRULink Golden Bond Fund以及其他在未来推介的PRULink Golden Funds投资于股票与固定收益证券, 以及直 接投资于某些固定收益证券、企业债券、定期存款和其他套期保值的金融工具

PRULink Golden Managed Fund *merupakan satu dana yang diuruskan secara aktif yang berusaha untuk memaksimumkan pulangan pada jangka sederhana dan panjang, dengan mengambil kira keperluan kecairan dana bagi memenuhi permintaan untuk pengeluaran dan juga keperluan bayaran terjamin. Matlamat ini dicapai dengan melabur dalam saham dan sekuriti faedah tetap menerusi dana* PRULink Golden Equity Fund *dan dana* PRULink Golden Bond Fund *dan mana-mana dana PRULink Golden Fund yang mungkin disediakan pada masa depan dan juga secara langsung dalam sekuriti faedah tetap, bon-bon korporat dan simpanan tetap yang terpilih, dan mana-mana instrumen kewangan lain yang digunakan untuk melindungi nilai portfolio.*

Fund Details / 基金详情 / *Maklumat Terperinci Dana*

Investment Manager / 投资经理 / *Pengurus Pelaburan*	Eastspring Investments Berhad 瀚亚投资有限公司
Inception Date / 基金设立日 / *Tarikh Diterbitkan*	30/10/2012
Current Fund Size / 目前所管理的基金数额 / *Saiz Dana Terkini*	RM1,105,585,076.13
Annual Fund Management Charge / 常年管理费 / *Caj Pengurusan Dana Tahunan*	1.10%
Current NAV / 目前的净资产值 / *NAB Terkini*	RM1.31461

How the Fund has performed / 基金表现 / *Prestasi Dana*

Performance Graph / 表现图表 / *Jaduan Prestasi Dana*
PRULink Golden Managed Fund vs 20% FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM100) + 80% 12 MTH MBB FD rate



Total Price Movement Over the Following Periods / 各期限总价差 / *Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut*

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / 价差 / *Pergerakan Harga*	0.84%	2.73%	3.18%	-0.43%	1.01%	10.72%	31.46%
Benchmark / 基准指标 / *Penanda Aras*	0.33%	1.98%	1.83%	0.80%	4.29%	7.21%	25.33%
Outperformance / 表现对比 / *Perbezaan Prestasi*	0.51%	0.75%	1.35%	-1.23%	-3.28%	3.51%	6.13%

Source / 资料来源 / *Sumber*: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 31 December 2022

For more information on benchmark kindly refer to / 有关基准的更多详情，请参考 / *Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari* www.bursamalaysia.com/market and www.maybank2u.com.my

Where the Fund invests
基金投资所在
Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation
资产配置 / *Peruntukan Aset*

		% NAV
1	PRULink Golden Bond Fund	77.22
2	PRULink Golden Equity Fund	22.78

PRULink Equity Income Fund
Top 10 Holdings / 10大持股
10 Pegangan Teratas

		%
1	Malayan Banking Bhd	8.32
2	Public Bank Bhd	7.88
3	CIMB Group Holdings Bhd	6.41
4	Petronas Chemicals Group Bhd	2.81
5	Press Metal Aluminium Holdings Bhd	2.79
6	Tenaga Nasional Bhd	2.76
7	Telekom Malaysia Bhd	2.27
8	Digi.com Bhd	2.24
9	Kuala Lumpur Kepong Bhd	2.23
10	Sime Darby Bhd	2.18

PRULink Golden Bond Fund
Top 10 Holdings
10大持股 / *10 Pegangan Teratas*

		%
1	Government Investment Issues*	2.71
2	YTL Power International Bhd	2.50
3	Manjung Island Energy Bhd	2.46
4	Sarawak Energy Bhd	2.21
5	GENM Capital Bhd	2.17
6	Malaysia Government Securities*	2.17
7	Malaysia Government Securities*	2.17
8	Government Investment Issues*	2.03
9	Malaysia Government Securities*	1.97
10	Public Bank Bhd	1.82

* Different coupon rates & maturity dates for each.

PRULink Golden Managed Fund

All data is as of 31 December 2022 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2022年12月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

Monthly Update / 每月简报 / *Peningkatan Bulanan*

Market Review / 市场回顾 / *Tinjauan Bulanan*

Equity / 股票市场 / *Ekuiti*

Malaysian equity markets closed the month of December flattish. The markets were trading range bound, as trading volumes declined with many investors away on year-end holidays. During the month, the newly sworn in Malaysia's Prime Minister unveiled his new cabinet with two Deputy PMs . The first parliament sitting for the new administration on 19 Dec 2022, did not see major hiccups, with the vote of confidence in favour of PM Anwar Ibrahim at 148/222. Regionally, in the beginning of December, China started to relax their Zero-Covid Policy after protests against the strict controls of forcing people into quarantine camps or mass quarantining and testing. On 26 December 2022, China unexpectedly announced plans to end quarantine requirements for inbound travellers and a further lifting of testing and tracking of covid cases locally.

The FBMKLCI Index closed the month at 1,495.49, up 0.45% mom. The FBM Small Cap index declined 0.07% for the month and underperformed the FBMKLCI Index.

马来西亚股市12 月份以持平姿态挂收。成交量在许多投资者享受年终假期下滑落，导致市场横摆。月内宣誓就职的马来西亚新任首相公布了包括两位副首相的新内阁名单。新政府的第一届国会会议于 2022 年 12 月 19 日召开，没有出现重大问题，对首相拿督斯里安华的信任动议进行表决的结果是148/222。区域方面，12 月初，中国在强制民众进入隔离营或大规模隔离和测试的严苛控制措施面对抗议后开始放松清零政策。2022 年 12 月 26 日，中国出乎意料地宣布停止要求入境旅客接受隔离，并进一步取消对当地新冠病例的检测和追踪。

富时隆综指以1,495.49点结束月内交易，按月起0.45%。富马小资本指数月内下跌0.07%，跑输隆综指。

Pasaran ekuiti Malaysia ditutup mendatar pada Disember. Pasaran terikat pada julat dagangan berikutan volum dagangan yang merosot apabila ramai pelabur menikmati cuti akhir tahun. Pada bulan itu, Perdana Menteri Malaysia yang baru sahaja mengangkat sumpah telah mendedahkan barisan kabinet baharunya dengan dua Timbalan PM. Persidangan parlimen pertama pentadbiran baharu pada 19 Disember 2022 tidak mendepani gegaran, susulan undi percaya 148/222 memihak kepada PM Anwar Ibrahim. Meninjau perkembangan serantau, China mula melonggarkan Polisi Sifar-Covid pada awal Disember selepas protes ke atas pengawalan ketat yang memaksa orang memasuki kem kuarantin atau kuarantin mahupun ujian besar-besaran. Pada 26 Disember 2022, China secara tidak diduga mengumumkan rancangan untuk menamatkan keperluan kuarantin ke atas pengembara masuk dan menarik balik ujian dan pengesanan kes covid tempatan.

Indeks FBMKLCI menutup bulan pada 1,495.49, naik 0.45% bulan ke bulan. Indeks FBM Small Cap merosot 0.07% pada bulan tinjauan dan tidak mengatasi prestasi Indeks FBMKLCI.

Fixed Income / 固定收益市场 / *Pendapatan Tetap*

The Federal Reserve ("Fed") raised the federal funds rate by 50bps to 4.25-4.50% in December 2022. Its median projection federal funds rate for 2023 has also been revised upwards to 5.10% from its September projection. The Fed continues to seek to achieve maximum employment and inflation at the rate of 2 percent over the longer run. The Fed board members expected the Personal Consumption Expenditures ("PCE") inflation to end 2023 at 3.1% and core PCE to finish next year at 3.5%, above the central bank's target rate of 2%. Minutes from the December meeting showed that the central bank was still committed to tame inflation.

Recent indicators continue to point to higher risks of economic contraction in the U.S. Its Manufacturing Purchasing Managers' Index ("PMI") fell to 46.2 in December 2022 from 47.7 in November 2022, hitting another 30-month low due to weak demand. The U.S. Services PMI recorded 44.7 in December 2022 from the revised 46.2 in November 2022, an indication that the services sector is continuing to decline. Inflation has been "sticky", with the PCE price index rising by 5.50% YoY in November, although below the revised 6.1% YoY in October. Meanwhile Core PCE rose 4.7% YoY, lower than 5.0% the previous month. University of Michigan consumer sentiment index however, increased to 59.7 from 56.8, but way below the final reading in December 2021 of 70.6. The ADP National Employment reported that U.S. private payrolls also increased more than expected in December by 235,000 (Nov 2022: 127,000), pointing to still-strong demand for labour despite higher interest rates.

Malaysia's inflation in November 2022 increased by 4.0% YoY (Oct 2022: 4.0%) with the main contributor to the rise in inflation being the 'food group' which recorded an increase of 7.3%. Meanwhile, core inflation registered higher increase of 4.2% YoY in November 2022 (Oct 2022: 4.1%), reflecting inflation risks. On the political front, Malaysian Prime Minister Anwar Ibrahim's motion of confidence was passed in parliament, bringing stability to the new unity government.

Malaysia's MGS curve bull-steepened in the month of December 2022. The yields of the 3Y, 5Y, 10 Y and 15Y MGS declined by 14bps, 8bps, 4bps and 3bps to close the month at 3.67%, 3.84%, 4.07% and 4.26% respectively. The yields of MGII also follow a similar trend with the 3Y, 5Y, 10 Y and 15Y MGII declined by 12bps, 7bps, 6bps and 10bps to end the month at 3.76%, 3.85%, 4.13% and 4.31% respectively.

2022 年 12 月，美联储（Fed）将联邦基金利率上调 50 个基点至 4.25-4.50%。其 2023 年联邦基金利率预测中值也从 9 月份的预测上调至 5.10%。美联储继续寻求实现充分就业和2% 的长期通胀率。美联储委员会成员预计2023 年底个人消费支出（PCE）通胀率将达到 3.1%，明年核心 PCE将达3.5%，高于央行的2%目标利率。12 月会议纪要显示，央行仍致力于抑制通胀。

近期指标继续显示美国经济萎缩风险上升，制造业采购经理人指数（PMI）从2022年11月的47.7下跌至2022年12月的46.2，再创30个月新低，归咎于需求疲软。美国服务业 PMI 从 2022 年 11 月修正后的 46.2 下跌至2022 年 12 月的 44.7，显示服务业正持续疲软。通胀具有"粘性"，11 月份 PCE 物价指数按年上涨 5.50%，但低于之前一个月修正后的按年6.1%。与此同时，核心 PCE按年走高4.7%，低于之前一个月的 5.0%。然而，密歇根大学消费者信心指数从 56.8 上涨至 59.7，但远低于 2021 年 12 月的终值 70.6。ADP 全国就业报告称，美国 12 月私营部门就业人数也超越预期增加了 23万5000 人（2022 年 11 月：12万7000 人），表明尽管利率上升，市场对劳动力的需求仍然强劲。

马来西亚 2022 年 11 月通货膨胀率按年增长 4.0%（2022 年 10 月：4.0%），主要由增幅为 7.3% 的"食品组"领涨。与此同时，2022 年 11 月核心通胀按年增长 4.2%（2022 年 10 月：4.1%），反映通胀风险。政治方面，马来西亚首相安华在国会通过信任动议投票，可组建稳定的新联合政府。

大马政府债券收益率曲线于2022年12月牛市趋陡。3年、5年、10年和15年期大马政府债券收益率分别下跌14、8、4和3个基点，以3.67%、3.84%、4.07%和4.26%结束交易。大马政府投资票据收益率也追随类似走势，3年、5年、10年和15年期大马政府投资票据收益率分别走低12、7、6和10个基点，以3.76%、3.85%、4.13%和4.31%结束月内交易。

Rizab Persekutuan ("Fed") menaikkan kadar dana persekutuan sebanyak 50 mata asas kepada 4.25 hingga 4.50% pada Disember 2022. Unjuran median kadar dana

persekutuan bagi 2023 juga telah disemak naik kepada 5.10%, daripada unjuran September. Fed terus berusaha untuk mencapai paras pekerjaan maksimum dan inflasi pada kadar 2 peratus dalam jangka panjang. Ahli lembaga Fed menjangkakan inflasi Perbelanjaan Penggunaan Peribadi ("PCE") akan mengakhiri 2023 pada 3.1% manakala PCE teras akan menutup tahun depan pada 3.5%, melebihi kadar sasaran bank pusat sebanyak 2%. Minit mesyuarat Disember menunjukkan bahawa bank pusat masih komited untuk menjinakkan inflasi.

Indikator terkini terus menunjukkan risiko penguncupan ekonomi yang lebih tinggi di US. Indeks Pengurus Pembelian Pembuatannya ("PMI") jatuh kepada 46.2 pada Disember 2022 daripada 47.7 pada November 2022, mencecah satu lagi paras terendah 30 bulan ekoran permintaan yang lemah. PMI Perkhidmatan US dicatat 44.7 pada Disember 2022 berbanding 46.2 yang disemak pada November 2022, satu petunjuk bahawa sektor perkhidmatan terus merosot. Inflasi telah "menjelekit", dengan indeks harga PCE meningkat 5.50% YoY pada November, walaupun di bawah semakan 6.1% YoY pada Oktober. Sementara itu Teras PCE meningkat 4.7% YoY, lebih rendah berbanding 5.0% pada bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, indeks sentimen pengguna Universiti Michigan meningkat kepada 59.7 daripada 56.8, tetapi jauh di bawah bacaan akhir 70.6 pada Disember 2021. ADP National Employment melaporkan bahawa senarai gaji swasta US juga meningkat lebih daripada jangkaan pada Disember iaitu 235,000 (Nov 2022: 127,000), menandakan permintaan ke atas buruh yang masih kukuh meskipun kadar faedah lebih tinggi.

Inflasi Malaysia pada November 2022 meningkat 4.0% YoY (Okt 2022: 4.0%) dengan penyumbang utama kenaikan inflasi ialah 'kumpulan makanan' yang mencatatkan peningkatan 7.3%. Sementara itu, inflasi teras mencatatkan peningkatan lebih tinggi iaitu 4.2% YoY pada November 2022 (Okt 2022: 4.1%), mencerminkan risiko inflasi. Dalam arena politik, usul percaya kepada Perdana Menteri Malaysia Anwar Ibrahim telah diluluskan di parlimen, lalu membuahkan kestabilan kepada kerajaan perpaduan yang baharu.

Keluk MGS Malaysia meningkat tajam pada bulan Disember 2022. Hasil MGS 3Y, 5Y, 10Y dan 15Y merosot masing-masing sebanyak 14 mata asas, 8 mata asas, 4 mata asas dan 3 mata asas lalu menutup bulan pada 3.67%, 3.84%, 4.07% dan 4.26%. Hasil MGII juga mengalur arah aliran yang sama dengan MGII 3Y, 5Y, 10Y dan 15Y, masing-masing merosot sebanyak 12 mata asas, 7 mata asas, 6 mata asas dan 10 mata asas lalu mengakhiri bulan tinjauan pada 3.76%, 3.85%, 4.13% dan 4.31%.

Market Outlook / 市场展望 / *Gambaran Bulanan*

Equity / 股票市场 / *Ekuiti*

10 months into the Russia-Ukraine conflict with no end in sight, geopolitical tensions globally have been ratcheting up. The US-China relations have soured as the Biden administration tries to curb China's technology progress and access to US tools /related tech equipment. The US FOMC raised FFR by 50bps at the Dec 2022 meeting as expected, but this was followed by a hawkish shift in the dot plot, showing a terminal rate above 5% in 2023.

Domestically, investors will be monitoring the outcome of upcoming events such as UMNO AGM , re-tabling of the Budget 2023 (24 Feb), UMNO Elections and the State elections which need to be held before end of 2Q23. So far, the Unity Government seems to be working well together, although this may be still in the honeymoon stage. The reopening theme may still have legs, especially with China opening its borders, and Malaysia may benefit from the increased tourist arrivals but perhaps in 2H2023.

We remain cautiously optimistic, as this development is indeed a step in the right direction for Malaysia's political / democratic maturity. We would recommend to accumulate fundamentally sound stocks that can better weather the crisis of economic or political nature.

俄罗斯与乌克兰爆发冲突至今超过十个月仍然看不到尽头。全球地缘政治紧张局势一直在缓慢升温。随着拜登政府试图遏制中国的技术进步以及对美国工具/相关技术设备的获取，美中关系恶化。美国联邦公开市场委员会在 2022 年 12 月的会议上如预期般升息50 个基点，但随后点阵图出现鹰派转变，显示 2023 年终点利率将破5%。

在国内，投资者将把焦点锁定在即将发生的事件的结果，例如巫统年度大会、2023 年度财政预算案于2 月 24 日的重新提呈、巫统选举以及需要在 2023 年第二季度末之前举行的州选举。到目前为止，联合政府似乎合作良好，尽管这可能仍处于蜜月阶段。重新开放主题或仍有下文，尤其是在中国开放边界的情况下，马来西亚可能受益于游客人数的增加，但料仅在2023年下半年实现。

我们保持谨慎乐观的立场，因为此发展确实是马来西亚朝向政治/民主成熟的正确方向迈进的一步。我们建议累积基本面良好的股票，以更好地应对经济或政治性质的危机。

Konflik Rusia-Ukraine yang memasuki bulan kesepuluh masih belum berpenghujung, sementara ketegangan geopolitik di seluruh dunia telah memuncak. Hubungan US-China telah memburuk apabila pentadbiran Biden cuba mengekang kemajuan teknologi China dan akses kepada alatan/peralatan teknologi berkaitan US. FOMC US menaikkan FFR sebanyak 50 mata asas pada mesyuarat Disember 2022 seperti yang dijangkakan, namun diikuti oleh peralihan agresif plot titik yang menunjukkan kadar terminal melebihi 5% pada 2023.

Di dalam negeri, pelabur akan memantau rumusan acara yang akan berlangsung seperti Mesyuarat Agung Tahunan UMNO, pembentangan semula Bajet 2023 (24 Feb), Pemilihan UMNO dan pilihan raya negeri yang perlu diadakan sebelum akhir 2Q23. Setakat ini, Kerajaan Perpaduan nampaknya bekerjasama dengan baik, walaupun ini mungkin masih dalam fasa bulan madu. Tema pembukaan semula mungkin masih berasas, terutamanya apabila China membuka sempadannya, manakala Malaysia mungkin mendapat manfaat daripada peningkatan ketibaan pelancong tetapi mungkin berlaku pada 2H2023.

Kami tetap berhati-hati meskipun optimistik, kerana perkembangan ini sememangnya satu langkah betul ke arah kematangan politik/demokratik Malaysia. Kami mengesyorkan untuk mengumpul stok berasas kukuh yang boleh mengharungi krisis ekonomi mahupun politik dengan lebih baik.

Fixed Income / 固定收益市场 / *Pendapatan Tetap*

China's re-opening will ease supply chain concerns and also have a widespread impact on sectors such as luxury goods, aviation and hospitality as Chinese consumers increases spending and traveling. Global inflation is likely to remain somewhat elevated through 2023, with risks coming from the ongoing Russian-Ukraine war and the rise in demand as China ramps up its economy. Meanwhile, recession risks have also increased especially in the U.S. and the Eurozone as central banks continue to maintain a restrictive stance of policy.

For Malaysia, Bank Negara expects the Malaysian economy to expand 4-5% in 2023. Headline and core inflation in 2023 will remain elevated amid both demand and cost pressures, as well as any changes to domestic policy measures especially subsidies. With a vote of confidence being passed in the parliament, we expect stability in the unity government and thus improved market sentiment. A new Budget for 2023 is expected to be tabled in Parliament, likely on 24th February 2023.

That said, Asian central banks are expected to maintain their respective pace of rate hikes given the still resilient domestic growth in the region. In Malaysia, policy normalization has been gradual and measured. While the MPC statement appears to be relatively upbeat on domestic growth, we opine that future monetary policy decisions will depend largely on the central bank's expectation of the sustainability of the current growth momentum given the increased risks of a recession especially in developed economies.

There will be three auctions in the month of January 2023, the re-opening of the 10 Y MGII 10/32, the 15Y re-opening of MGS 06/38 and a new issue of the 5.5Y MGII 07/28. While there is still ample liquidity in the system, the outcome of these auctions is likely to be influenced by prevailing market sentiment. On the corporate front, we expect mixed demand for corporate bonds as investors continue to be selective in their investments.

In 2023, based on the auction calendar released by Bank Negara, there will be a total of 37 auctions (comprising 19 issuances of MGII and 18 issuances of MGS) compared to the 36 auctions in 2022 (comprising of 18 equal issuances of MGS and MGII bond issuances). Gross MGS/GII supply is expected to be circa RM172.0 b for the coming year.

中国重新开放将缓解供应链担忧，随着中国消费者增加支出和旅行，还将对奢侈品、航空和酒店等行业产生显著效果。到 2023 年，全球通货膨胀可能会保持一定程度的高位，风险来自持续演进的俄乌战争以及随着中国经济增长而增加的需求。与此同时，由于各国央行继续保持紧缩政策立场，衰退风险也有所增加，尤其是在美国和欧元区。

至于马来西亚，国家银行预计大马经济将于2023 年增长 4-5%。在需求和成本压力以及国内政策措施（尤其是补贴）发生任何变化的情况下，2023 年整体和核心通胀将保持高位。随着国会通过新任首相的信任动议，我们预计联合政府将保持稳定，从而改善市场情绪。2023 年的新财政预算案预计于 2023 年 2 月 24 日在国会提呈。

尽管如此，鉴于此地区的国内增长仍然具有弹性，亚洲央行料维持各自的升息步伐。在马来西亚，政策正常化循序渐进并有节制地进行。虽然货币政策委员会的声明似乎对国内增长释放相对乐观的信息，在尤其是发达经济体衰退风险升温的情况下，我们认为未来的货币政策决策将很大程度上取决于央行对当前增长势头可持续性的预期。

2023年1月将有三项招标，包括10年期大马政府投资票据10/32、15年期大马政府债券06/38的增额发行，以及一项5.5年期大马政府投资票据07/28的全新发行。尽管系统中仍有充裕的流动性，这些招标的结果料将取决于当前的市场情绪。企业债券方面，我们预料市场对企业债券的需求将参差不齐，因为投资者继续在投资方面保持选择性。

根据国家银行发布的招标日历，与 2022 年的 36 次招标（包括 18 次大马政府债券和大马政府投资票据的等量发行）相比，2023 年将进行 37 次招标（包括 19 次大马政府投资票据和 18 次大马政府债券的发行）。预计来年的大马政府债券/大马政府投资票据总供应量约为1720亿令吉。

Pembukaan semula China akan meredakan ketegangan rantaian bekalan dan memberikan kesan meluas ke atas sektor seperti barangan mewah, penerbangan dan hospitaliti apabila pengguna China menambah perbelanjaan dan perjalanan. Inflasi global mungkin kekal agak tinggi menjelang 2023, dengan risiko yang datang daripada perang Rusia-Ukraine dan peningkatan permintaan ketika China meningkatkan ekonominya. Sementara itu, risiko kemelesetan juga meningkat khususnya di US dan Zon Euro apabila bank pusat terus mengekalkan pendirian dasar yang ketat.

Bank Negara menjangka ekonomi Malaysia berkembang 4 hingga 5% pada 2023. Inflasi tajuk dan inflasi teras pada 2023 akan kekal tinggi di tengah-tengah tekanan permintaan dan kos, serta apa-apa perubahan kepada langkah dasar domestik terutamanya subsidi. Dengan undi percaya diluluskan di parlimen, kami menjangkakan kestabilan kerajaan perpaduan dan dengan itu menggalakkan sentimen pasaran. Bajet baharu 2023 dijangka dibentangkan di Parlimen, berkemungkinan pada 24 Februari 2023.

Oleh yang demikian, bank pusat Asia dijangka mengekalkan kadar kenaikan kadar masing-masing memandangkan pertumbuhan domestik rantau ini yang masih mampan. Di Malaysia, normalisasi dasar telah dilaksanakan secara beransur-ansur dan diukur. Walaupun kenyataan MPC nampaknya agak optimistik terhadap pertumbuhan domestik, namun kami berpendapat bahawa keputusan dasar monetari masa hadapan akan bergantung pada jangkaan bank pusat terhadap kemampanan momentum pertumbuhan semasa, berikutan peningkatan risiko kemelesetan terutamanya ekonomi maju.

Terdapat tiga lelongan pada bulan Januari 2023, pembukaan semula MGII 10/32, pembukaan semula MGS 06/38 15Y dan terbitan baharu MGII 07/28 5.5Y. Walaupun kecairan dalam sistem masih lagi lebih dari mencukupi, hasil lelongan ini mungkin dipengaruhi oleh sentimen pasaran semasa. Meninjau sektor korporat, kami menjangkakan permintaan ke atas bon korporat akan bercampur-campur kerana pelabur terus selektif dengan pelaburan mereka.

Pada 2023, berdasarkan kalendar lelongan yang dikeluarkan oleh Bank Negara, terdapat sejumlah 37 lelongan (terdiri daripada 19 terbitan MGII dan 18 terbitan MGS) berbanding 36 lelongan pada tahun 2022 (terdiri daripada 18 terbitan bon MGS dan MGII yang sama rata). Bekalan MGS/GII kasar pada tahun akan datang dijangkakan sekitar RM172.0 bilion.

Fund Review & Strategy / 基金表现评论与投资策略 / *Tinjauan dan Strategi Dana*

The Fund returned 0.84% for the month, outperforming the benchmark return of 0.33% by 0.51%. Year-to-date, the Fund returned -0.43%, underperforming the benchmark return of 0.80% by 1.23%.

For equity, the underperformance was mainly due to the Fund's underweight in selective plantation and utility stocks. For fixed income, the outperformance for the month was attributed to long tenor government sukuk and government guaranteed sukuk.

As of end-December 2022, the Fund has 22.8% exposure in equity and 77.2% in bonds (versus Neutral position of 20:80 equity:bond).

本基金于检讨月份下交出0.84%回酬，基准的是0.33%，所以超越基准0.51%。年度至今，基金取得-0.43%回酬，跑输回酬为0.80%的基准1.23%。

股票投资表现逊色主要是因为基金减码特定种植和公用事业股。至于固定收益，月内走势超越是因为长期政府伊斯兰债券和政府担保伊斯兰债券表现强劲。

截至2022年12月底，此基金在股票的投资比重为22.8%，债券的是77.2%（对比20:80股票：债券的中和部署）。

Dana menyampaikan pulangan 0.84% pada bulan tinjauan, mengatasi pulangan penanda aras 0.33% sebanyak 0.51%. Sejak awal tahun sehingga kini, Dana mengembalikan -0.43%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 0.80% sebanyak 1.23%.

Bagi ekuiti, prestasi rendah disebabkan oleh kekurangan pegangan Dana dalam stok perladangan dan utiliti terpilih. Menyorot pendapatan tetap, prestasi baik pada bulan tinjauan disumbangkan oleh sukuk kerajaan jangka panjang dan sukuk yang dijamin kerajaan.

Sehingga akhir Disember 2022, Dana mempunyai 22.8% pendedahan dalam ekuiti dan 77.2% dalam bon (berbanding kedudukan Neutral pada 20:80 ekuiti:bon).

PRULink Golden Managed Fund

All data is as of 31 December 2022 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2022年12月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

Source / 资料来源 / *Sumber*: Fund Commentary, December 2022, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

All data is as of last valuation date of the month.
Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. Prudential Investment-linked products are not Shariah-compliant products. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of any discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail. In case of discrepancy between the English, Bahasa Malaysia and Mandarin versions of this fact sheet, the English version shall prevail. The fund fact sheet of the Target Fund will be available at www .prudential.com.my.

任何投资皆涉及投资风险,包括本金的损失. 单位的价值可能会扬升也会走低. 基金和基金经理过往的表现不可视为未来表现的指标. 上述所示的回酬并不反映您投资的真实回酬(后者取决于您的保费分配率与费用). 您所投资的保费的真实回酬将根据有关投资联结基金的表现而定. 保诚投资联结保险产品系列并非符合回教法典的产品. 您保费投资的真实回酬可能会低于上述回酬. 本册子只供说明之用。欲进一步了解条规与细则，请参考保单文件。如何投资于这些基金的资料则载于产品册子. 如果本说明书的资料与保单文件有所出入, 将以保单文件者为准.若说明书的英文. 马来文和中文版有差异则以英文版为准. 有关目标基金的基 金说明书,请浏览 www.prudential.com.my.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Produk berkaitan pelaburan Prudential bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad. Jika terdapat perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi helaian fakta ini, versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad. Lembaran Fakta Dana untuk Dana Sasaran akan tersedia di www.prudential.com.my

Prudential Assurance Malaysia Berhad (107655-U)
Level 20, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur. Tel: 03-2778 3888
Email: customer.mys@prudential.com.my Website: www.prudential.com.my